

POLISI WHISTLEBLOWING JKR

PENGENALAN

1. Polisi **Whistleblowing JKR** merupakan salah satu elemen penting yang menerangkan proses pelaksanaan penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan dan tindakan yang akan diambil ke atas mana - mana warga JKR yang terlibat.
2. Pelaksanaan polisi ini adalah sebagai langkah memerangi sikap salah laku serta ketidakpatuhan warga JKR kepada undang - undang atau kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja mengikut mana - mana yang berkenaan.
3. JKR mengamalkan ketelusan dan integriti dalam pelaksanaan Polisi *Whistleblowing*.

OBJEKTIF

1. Menyediakan kemudahan kepada umum untuk menyalurkan maklumat mengenai salah laku warga JKR.
2. Menyediakan panduan tindakan yang diambil ke atas aduan - aduan berkaitan salahlaku dan integriti.
3. Memberi peluang kepada warga JKR dan orang awam melaporkan sebarang ketidakpatuhan tatakelakuan dan tatatertib di kalangan warga JKR.
4. Mewujudkan budaya kerja beretika dan berintegriti.

KERAHSIAAN

1. Segala maklumat / aduan yang disalurkan akan dirahsiakan dan pemberi maklumat tidak akan didedahkan.
2. Di dalam keadaan tertentu di mana Pegawai Penyiasat perlu mendapatkan maklumat lanjut daripada Pemberi Maklumat, Pegawai Penyiasat akan menghubungi Pemberi Maklumat berkenaan.
3. Segala maklumat / aduan yang diperolehi tidak akan didedahkan atau dibincangkan kepada Pihak Ketiga kecuali kepada individu atau Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).

Sekiranya anda mempunyai maklumat mengenai sebarang perbuatan salah laku yang menyalahi etika / integriti melibatkan warga JKR, sila hubungi kami melalui mana - mana saluran di bawah :

1. Hadir sendiri ke pejabat Bahagian Integriti JKR.
2. Menghubungi kami di talian :
+603-2618 8615 / 8740 / 8737
3. Melalui emel : integriti@jkr.gov.my
4. Menulis surat, mesej atau media sosial lain.

Pastikan aduan anda dinyatakan dengan jelas, tidak terlalu umum dan mempunyai maklumat seperti berikut :

- Siapa ► Di mana ► Bila ► Bagaimana
- Apa yang berlaku ► Kenapa dilakukan

Bal turut menerima maklumat dari pemberi maklumat yang tidak dikenali, tetapi adalah lebih baik sekiranya pejabat ini dapat menghubungi anda semula bagi membantu pejabat ini bertindak dengan cepat dan lancar. Segala aduan adalah rahsia dan pemberi maklumat tidak akan didedahkan. Sila nyatakan nama penuh anda dan nombor telefon untuk dihubungi.

BAHAGIAN INTEGRITI

Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat
Tingkat 32, Menara Kerja Raya (Blok G)
Jalan Sultan Salahuddin
50480, Kuala Lumpur

TADBIR URUS ADUAN INTEGRITI

Pengarah CDPK : Pengerusi Jawatankuasa JKTA dan Polisi Whistleblowing JKR

Ketua Bahagian Integriti : Pengurus Integriti

Unit Pengurusan Aduan (UPA), Bal CDPK

Unit Pengesahan dan Pengesahan (UPP) (Seksyen Siasatan),
Bal CDPK

Pegawai Integriti (JKR Cawangan Ibu Pejabat / Negeri)



POLISI WHISTLEBLOWING JKR

EDISI 2021





CARTA ALIRAN POLISI WHISTLEBLOWING

Sumber dan Saluran Aduan :

- SPRM
- Agensi dalaman
- Agensi lain
- Panggilan telefon
- Media Elektronik
- Media Sosial (SMS, WhatsApp dll)
- Surat
- Emel
- Media cetak

Penerima Aduan :

- Pegawai Penyelaras Aduan (PPA)
- Pengurusan Atasan JKR
- Pejabat Menteri / KSU KKR
- Ketua Pegawai Integriti KKR (UI)
- Ketua Bahagian Integriti (Bal)



Petunjuk :

- JKTA** - Jawatankuasa Penyelaras Tindakan Ke Atas Kes - Kes Aduan JKR (Ahli Jawatankuasa dilantik oleh KPKR)
- Bal** - Bahagian Integriti, CDPK
- PPI** - Pegawai Penyiasat (Seksyen Siasatan, Bal)
- PI** - Pegawai Integriti JKR Cawangan / Negeri

Polisi Whistleblowing
JKR

